



EKONOMI

MIFF 2023 CATAT PEMULIHAN, SAKSIKAN JUALAN MENCECAH US\$1.21 BILION



Foto: MIFF

06/04/2023 04:51 PM

ADVERTISEMENT

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia (MIFF) 2023 yang berlangsung dari 1 hingga 4 Mac 2023 telah merekodkan jualan sebanyak US\$1.21 bilion (US\$1 = RM4.40).

Kejayaan dalam hasil kali ini mencerminkan peningkatan 19 peratus berbanding sebelum pandemik iaitu US\$1.01 bilion pada 2019, dengan kehadiran 673 syarikat pameran dan pelawat perdagangan dari 136 negara, sekali gus mencatatkan rekod baharu.

MIFF dianjurkan oleh penganjur pameran perdagangan perabot perniagaan ke perniagaan terbesar di Asia Tenggara iaitu Informa Markets.

Pameran tahun ini mendapat daya tarikan daripada permintaan terpendam apabila pempamer dan pembeli mengambil kesempatan daripada acara bagi menyambung semula dan membuat tempahan ke atas pelbagai produk serta reka bentuk terkini yang dipersembahkan buat kali pertamanya selepas pandemik.

"Dengan pembeli yang datang dari seluruh dunia, MIFF telah menjadi pintu masuk yang menarik untuk pempamer mencari pembeli dan pasaran antarabangsa baharu. Pameran tahun ini menampilkan pempamer dari 11 negara serta wilayah seperti Malaysia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam," katanya.

Informa Markets berkata acara berskala penuh yang berlangsung di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) serta World Trade Centre

"Momentum yang agak memberangsangkan ini telah disokong oleh 81 peratus peserta yang datang mencari produk baharu dan membuat pesanan. Perabot ruang makan, bilik tidur, ruang tamu, pejabat, perabot/sofa dan dapur menjadi antara yang paling banyak terjual," katanya.

Pengurus Besar MIFF Kelie Lim berkata kepelbagaian dalam produk dan pempamer telah mencetuskan tenaga serta suasana baharu dan positif kepada acara kali ini.

"Kami tidak sabar untuk menerima kedatangan semula mereka pada ulang tahun ke-30 kami yang akan datang, yang sudah tentu akan menjadi lebih mantap dan lebih baik. Fokus kami terus kekal untuk memberikan pertumbuhan berkualiti bagi mengukuhkan MIFF sebagai platform dagangan terbaik kepada pelanggan kami," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

ADVERTISEMENT

Twitter@BERNAMA

Tweets from @bernamadotcom

Follow on Twitter

↻ BERNAMA Retweeted

Anwar Ibrahim  @anwaribrahim · 1h 

Malaysia pegawai kerajaan

Pada hari ini, Malaysia bersama-sama masyarakat antarabangsa meraikan Hari Kesihatan Sedunia.

[#HealthForAll](#)

Kata Kunci

miff

perabot

informa markets

pameran

Berita Berkaitan